

UMS meterai MoU dengan Aeon co (M) Berhad

UB 27-9-2014 B12

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) menandatangani satu memorandum persefahaman dengan Aeon co (M) Berhad.

Naib Cancellor UMS Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah berkata, MoU itu membolehkan mahasiswa menyertai program dibawa Aeon iaitu 'Sustainable Development Program' (SSDP) dan 'campus recruitment' untuk mereka momohon ke latihan pengurusan yang adalah peluang bagi memulakan

kerjaya bersama Aeon.

"Pengenalan antara UMS dan Aeon bermula daripada inisiatif Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) iaitu satu langkah kerajaan bagi membangunkan sumber manusia serta perkongsian ilmu serta teknologi di antara Institut Pengajian Tinggi dan Industri.

"Terdapat 10 kluster di bawah ICoE yang mana UMS adalah 'spoke university' kepada empat kluster iaitu pemborongan dan peruncitan, hospitaliti dan pelancongan, minyak

dan gas serta bioteknologi," katanya ketika dalam majlis MoU yang dimeterai di sini kelmarin.

Teks ucapannya disampaikan oleh Timbalan Naib Cancellor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof Madya Dr Ismail Ali.

Harun berkata, Pusat Hubungan Industri (PHI) bertanggungjawab untuk menyelaras dan melaksana program atau aktiviti di bawah ICoE bagi memenuhi objektif serta aspirasi di bawah penubuhan ICoE di UMS.

Katanya, PHI turut mengalu-alukan penglibatan pihak industri bagi mengadakan kerjasama terhadap pengendalian latihan dan juga program kebolehan pasaran pelajar seperti sesi temuduga dan penempatan latihan industri.

Sementara itu, Pengurus Besar Sumber Manusia Aeon co (M) Berhad, Etsuko Eto berkata, Aeon sangat aktif mengadakan kerjasama dengan Universiti-universiti tempatan khususnya di Sabah dan Sarawak dalam usaha meluaskan perniagaan di kawasan-kawasan tertentu di negeri itu.

"Setakat ini Aeon mempunyai kira-kira 30 kakitangan dalam pengurusan lepasan UMS yang diambil sejak tahun 2012.

"Sehingga kini, 100 peratus daripada kakitangan ini masih bersama Aeon dan meneruskan mengejar impian dalam karier mereka," katanya.

Menurutnya, UMS sehingga kini berjaya melahirkan banyak graduan cemerlang di pelbagai industri dan Aeon berharap mendapat sokongan yang berterusan daripada UMS.



ISMAIL (dua kiri) dan Etsuko (dua kanan) menandatangani MoU ketika dalam majlis itu.